

12 DEC 1997

Mahathir-Jepun

MALAYSIA SAMBUT BAIK CADANGAN JEPUN BANTU ASEAN

KUALA LUMPUR, 12 Dis (Bernama) -- Malaysia menyambut baik rancangan Tokyo untuk memberi pinjaman yen dengan faedah rendah bagi membantu negara-negara Asean yang terbabit dengan krisis matawang dan pasaran saham baru-baru ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau berharap pinjaman itu tidak akan bersyarat dan Malaysia mahu tahu wang itu akan digunakan untuk apa.

Beliau berkata demikian pada sidang berita setibanya di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang selepas menghadiri sidang kemuncak Persidangan Pertubuhan Negara-negara Islama (OIC) di Tehran.

Perdana Menteri diminta mengulas mengenai laporan agensi asing Rabu lepas bahawa Perdana menteri Jepun Ryutaro Hashimoto merancang untuk mengumumkan program membantu reformasi ekonomi negara-negara Asean pada Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Asean Kedua di sini pada 14 hingga 16 Dis ini.

Sidang kemuncak itu akan diikuti dengan mesyuarat "sembilan + tiga" antara sembilan negara anggota Asean dengan China, Jepun dan Korea Selatan.

Laporan itu berkata Hashimoto akan mengumumkan rancangan untuk memberi pinjaman yen dengan faedah rendah bagi membantu negara-negara Asean mereformasikan sistem kewangan mereka.

Hashimoto akan menyertai perbincangan para pemimpin Asean dengan Presiden China Jiang Zemin dan Perdana Menteri Korea Selatan Koh Kun pada hari Isnin.

China juga telah menyatakan kesediaannya untuk menimbangkan tindakan lanjut untuk membantu negara-negara Asia Tenggara dan Asia Timur menyelesaikan masalah ekonomi mereka.

Penolong Menteri Luar China Chen Jian dipetik sebagai berkata di Beijing semalam bahawa Jiang akan menyatakan kesediaan China itu pada sidang kemuncak berkenaan.

Dr Mahathir berkata tidak ada gunanya Malaysia membuat pinjaman kerana ia hanya akan membebankan lagi negara.

Ditanya sama ada beliau akan mengemukakan satu cadangan konkrit bagi menyelesaikan masalah matawang dan pasaran saham rantau ini, Dr Mahathir berkata beliau tidak bercadang untuk berbuat demikian dan "hanya mahu mendengar yang lain (pemimpin Asean)".

"Saya tidak ada apa-apa lagi selain dari apa yang telah saya katakan," katanya.

Ditanya sama ada beliau telah membincangkan perkara itu (masalah matawang dan pasaran saham) dengan pemimpin-pemimpin lain semasa sidang kemuncak OIC, Perdana Menteri berkata beliau hanya menjelaskan kepada mereka.

"Saya tidak mahu membebankan mereka dengan masalah kita. Hanya ada antara mereka yang hendak tahu, dan saya jelaskan (kepada mereka)," kata beliau.

--BERNAMA

ES WAT